

# Gaya: BN Sabah sepakat sokong calon pilihan PM

UM 25 SEP 2002

KOTA KINABALU 24 Sept. — Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sepakat untuk menyokong siapa juga calon BN yang akan diputuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk bertanding dalam pilihan raya kecil Parlimen Gaya pada 12 Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, persetujuan itu dicapai pada mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Pengerusi BN negeri, Datuk Chong Kah Kiat.

Katanya, pemilihan calon itu hanya akan diputuskan oleh Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN sekembalinya beliau daripada menghadiri mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di Copenhagen.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu pada 3 Oktober.

"Dalam mesyuarat khas BN ini, kita tidak membincangkan secara terperinci calon yang akan diletakkan dalam pilihan raya kecil itu. Perdana Menteri yang akan membuat keputusan siapa yang akan menjadi calon, sekembalinya beliau ke tanah air," kata Abdullah selepas menghadiri mesyuarat khas parti-parti komponen BN Sabah di sini, hari ini.

Sebelum itu, Abdullah mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Sabah dan menghadiri taklimat Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JP-PS).

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, parti-parti komponen BN juga bersetuju untuk membantu calon BN dan kini membuat persiapan menghadapi pilihan raya kecil Parlimen Gaya.

Tambahnya, BN pada masa ini tidak mempunyai sebarang masalah dan bersedia untuk menghadapi pilihan raya kecil itu.

"Saya yakin dengan kekuatan yang kita ada pada waktu ini dan dengan muafakat yang ditunjukkan oleh parti-parti komponen BN... insyaallah kemenangan yang bakal dilalui ini merupakan satu kemenangan bersejarah dan besar di kawasan ini," katanya lagi.

Beliau juga berkata, UMNO Sabah telah bersedia dan bersetuju untuk memainkan peranan yang aktif dalam pilihan raya kecil itu.

"UMNO akan menggunakan struktur seperti yang telah diputuskan iaitu mengikut apa yang kita telah amalkan dalam kawasan ke-

wasan pilihan raya kecil yang lain," katanya.

Katanya lagi, UMNO akan membahagikan petugas-petugasnya mengikut peti-peti undi seperti yang dilakukan di pilihan raya kecil Likas dulu.

Beliau juga memberitahu, Badan-badan Perhubungan UMNO negeri lain akan turut dijemput memberi sumbangan sebagaimana yang mereka telah berikan pada masa lalu.

Malah, kata beliau, pergerakan Pemuda dan Wanita sudah mula bergerak untuk memastikan pengundi-pengundi yang ada dalam senarai pengundi yang telah dikeluarkan oleh SPR.

"Kita hendak pastikan tiada kekeliruan dalam menggunakan daftar pengundi... yang mana satu yang hendak digunakan. Kita harap SPR akan memaklumkan kepada kita dengan secepat mungkin daftar pengundi yang akan dipakai," katanya.

Katanya lagi, daftar pengundi bukan sahaja penting untuk menentukan calon atau pengundi tetapi ia mestilah sama seperti yang digunakan oleh SPR pada waktu mengundi dilakukan.

"Ini biasa berlaku di mana timbul perbalahan dan masalah apabila ada orang yang telah diberi slip mengundi yang namanya sudah terdapat dalam daftar pengundi... tetapi apabila pergi ke tempat mengundi, mereka ini dimaklumkan pula oleh pegawai SPR, nama tidak ada dalam daftar pengundi," jelasnya.

Tambah beliau, masalah ini tidak sepatutnya berlaku kerana ada pengundi telah merasakan diri mereka dinafikan hak untuk mengundi.

Abdullah seterusnya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi khususnya dalam pilihan raya kecil di Parlimen Gaya.

Ditanya mengenai taklimat pembangunan di Sabah pula, beliau memberitahu, kerajaan akan terus melaksanakan apa sahaja projek di negeri ini dengan sebaiknya.

Kerusi Gaya kosong selepas penyandangannya Datuk Yong Teck Lee, Presiden Parti Maju Sabah, hilang kelayakannya apabila mahkamah mendapati beliau melakukan rasuah pada pilihan raya 1999.

Dalam pilihan raya lepas, Yong meraih 15,315 untuk menewaskan dua orang calon dengan kelebihan 4,117 undi. Gaya mempunyai 49,426 pemilih.